

Pusat tak musuhi Sabah — Dr. M

21 JAN 1994

KUALA LUMPUR 20 Jan. — Kerajaan Pusat tidak pernah memusuhi rakyat Sabah atau masyarakat peribumi di negeri itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sebaliknya kata Dr. Mahathir, kerajaan cuma tidak bersetuju dengan kepimpinan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang telah menikam Barisan Nasional (BN) dari belakang ketika pilihanraya umum 1990 lalu.

“Kita tidak sekali-kali memusuhi rakyat Sabah, cuma kita tidak bersetuju dengan kepimpinan yang ada sekarang di mana semasa kita bertanding pada pilihanraya itu mereka telah mengumumkan keluar dan menyertai parti lawan,” katanya kepada para pemberita selepas melancarkan buku *Bosnia: Suara Keprihatinan Malaysia dan Bosnia: Testament To War Crimes As Told By Survivors* di Bangunan Parlimen hari ini.

Beliau berkata demiki-

an ketika diminta mengulas kenyataan Pengarah Yayasan Sabah, Dr. Jeffrey Kitingan hari ini bahawa penglibatan beliau dalam politik di Sabah akan memulihkan balik hubungan antara Sabah dan Kuala Lumpur.

Perdana Menteri menambah, BN bersedia merimbang bagi menerima para pemimpin PBS yang benar-benar ingin berbaik dan kembali ke pangkuan BN setelah mereka membuktikan bahawa mereka tidak terlibat dengan tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh para pemimpin PBS ke atas BN.

“Kalau mereka buktikan mereka tidak terlibat dengan tindakan-tindakan sedemikian kita boleh timbang untuk terima balik kerana kita bukanlah begitu keras sehingga tidak boleh mengampunkan langsung.

“Kita tahu ada sesuatu keadaan mendesak menyebabkan mereka membuat tindakan yang tidak sepatutnya dibuat itu,” tegas beliau.

Mengenai hasrat PBS untuk kembali ke pangkuan BN, Dr. Mahathir berkata, ura-ura itu telah lama timbul tetapi BN tidak boleh sewenang-wenangnya menerima PBS kembali.

“Kita pernah terima mereka dulu setelah mereka mendesak kita supaya menerima mereka dan kita terima... tetapi sebaliknya kita dapati mereka dengan begitu mudah membuat keputusan untuk keluar dari BN ketika sedang menghadapi pilihanraya umum.

“Jadi kali ini kita tidak akan mudah menerima PBS dan kita kena nilai sejauh mana komitmen dan keikhlasan mereka kepada BN... mereka pula perlu membuktikan komitmen itu,” kata beliau.

Mengenai perletakan jawatan Tun Datu Mustapha Datu Harun sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah dan keluar dari UMNO, Dr. Mahathir berkata keputusan itu adalah hak Mustapha.

Katanya, UMNO hanya memerlukan ahli yang

benar-benar komited pada UMNO dan bukannya mereka yang sewenang-wenangnya keluar dari parti itu.

“Dalam UMNO tentu ada pelbagai pendapat yang berbeza-beza dan kita tidak seharusnya keluar daripada UMNO hanya kerana berbeza pendapat.

“Mustapha dalam suratnya menegaskan beliau percaya kepada prinsip demokrasi dan fahaman majoriti tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya...sepatutnya pihak minoriti mengikut pendapat majoriti dan bukannya mengambil tindakan keluar parti,” tegas beliau.

Kepada satu soalan Dr. Mahathir berkata, keputusan Mustapha tidak sedikit pun menjejaskan BN dalam menghadapi pilihanraya Sabah.

Mengenai kekosongan jawatan Menteri Hal Ehwal Sabah, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak bercadang untuk mengisi kekosongan jawatan itu pada masa ini.